

05 SEP 1997

UMNO: ZAHID CADANGKAN PROJEK PUTRAJAYA DIPERLAHANKAN JUGA

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, mencadangkan supaya projek Putrajaya turut diperlahankan berikutan kejatuhan nilai Ringgit sekarang.

Beliau berkata kerajaan harus menimbangankan perkara ini kerana projek berkenaan melibatkan jumlah pelaburan yang cukup besar.

"Kita mahu alternatif yang terbaik, yang pertama untuk jangka pendek bagi kita memperbetulkan kedudukan mata wang kita kerana kalau AS\$1 jadi RM3, ia menjadi kejutan kepada banyak orang," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Pengerusi Bank Simpanan Nasional itu menyokong pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa projek-projek besar di negara ini akan ditangguhkan sehingga nilai Ringgit pulih.

Projek-projek itu ialah empangan hidroelektrik Bakun, Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara di Kuala Muda, Kedah dan LinearCity di sini.

Ahmad Zahid berkata beliau berbincang dengan penganalisis pelaburan mengenai perkara itu dan mereka sependapat bahawa projek-projek besar, walaupun penting, harus diperlahankan dalam keadaan nilai mata wang negara sedang merosot kini. -- BERNAMA

AFY NAK